

TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT PENAMBAHBAIKAN PROGRAM BANTUAN BERSASAR CIMB BAGI PINJAMAN PERIBADI CASH PLUS (KONVENSIONAL)

Terma-Terma Am

- A. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai bagi Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar CIMB (“**Program**”) yang boleh didapati dari 23 November 2020 sehingga 30 Jun 2021 kepada peminjam/pelanggan individu yang mempunyai Pinjaman Peribadi Cash Plus (“**Kemudahan**”) yang diluluskan sebelum 1 Oktober 2020 dan yang masih dibayar (tidak tertunggak melebihi 90 hari) setakat tarikh permohonan Program dan:
- (i) adalah dalam kategori B40 dan didaftarkan dalam pangkalan data Bantuan Sara Hidup (BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR); atau
 - (ii) yang mana pasangannya adalah penerima BSH atau BPR.
- B. Bank merujuk kepada CIMB Bank Berhad, sebagai institusi kewangan yang memberikan Kemudahan kepada anda.
- C. Anda hanya boleh membuat satu pilihan daripada 2 pilihan di bawah dan setelah pilihan anda telah dibuat, ia tidak boleh diubah.
- D. Anda akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek tetapi jumlah kos pembiayaan anda akan lebih tinggi.
- E. Kadar faedah semasa untuk Kemudahan dan tempoh Kemudahan akan kekal sama.
- F. Pada akhir tempoh Kemudahan, anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi.
- G. Sekiranya terdapat kegagalan pembayaran, Bank hendaklah layak untuk bertindak berdasarkan, atau menguatkuasakan mana-mana hak atau remedinya yang diberikan di bawah dokumen Kemudahan dan sebarang tindakan atau peninggalan oleh Bank tidak akan beroperasi sebagai pengabaian hak dan remedi Bank di bawah dokumen Kemudahan.
- H. Semua terma-terma dan syarat-syarat lain dalam dokumen Kemudahan dan sekuriti sedia ada hendaklah kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

Syarat Khusus untuk Pilihan 1: Penangguhan Ansuran 3 bulan

1. Tidak ada pembayaran yang perlu dilakukan selama tiga (3) bulan bermula bulan sejeurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pilihan 1 untuk Program (“**Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan**”) yang akan dimaklumkan kepada anda.
2. Anda dikehendaki untuk meneruskan pembayaran ansuran bulanan anda selepas berakhirnya Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan.
3. Sebagai langkah untuk meringankan beban kewangan para peminjamnya, di bawah Pilihan 1 ini, Bank tidak akan mengkompaun sebarang faedah yang terakru dalam Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan. Faedah masih akan dikenakan ke atas Kemudahan semasa Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan dan pembayaran untuk faedah terakru mesti dibuat selepas Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan.

Selepas Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan, bayaran yang dibuat akan terpakai terhadap bayaran untuk yang berikut:

- Faedah (termasuk faedah terakru); dan
 - Jumlah prinsipal Kemudahan.
4. Semua tunggakan dan jumlah faedah terakru sebelum permulaan Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan, jika ada akan ditambahkan ke dalam jumlah prinsipal Kemudahan yang belum dibayar pada permulaan Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan.
 5. Pemindahan dana automatik CIMB yang diperuntukkan bagi akaun Kemudahan akan diberhentikan semasa Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan. Sekiranya terdapat sebarang arahan tetap untuk akaun Kemudahan, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya.

Syarat Khusus untuk Pilihan 2: Pengurangan Ansuran 50% Selama 6 Bulan

1. Ansuran bulanan anda akan dikurangkan sebanyak 50% (“**Ansuran Dikurangkan**”) selama 6 bulan bermula bulan sejeurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pilihan 2 Program (“**Tempoh Pengurangan Ansuran 50%**”) yang akan dimaklumkan kepada anda.
2. Anda hendaklah membayar Ansuran Dikurangkan semasa Tempoh Pengurangan Ansuran 50% untuk 6 bulan berikutnya.
3. Anda dikehendaki untuk meneruskan pembayaran ansuran bulanan anda selepas berakhirnya 6 bulan Tempoh Pengurangan Ansuran 50%.

4. Sebagai langkah untuk meringankan beban kewangan para peminjamnya, di bawah Pilihan 2 ini, Bank tidak akan mengkompaun sebarang faedah yang terakru dalam Tempoh Pengurangan Ansuran 50%. Faedah masih akan dikenakan ke atas Kemudahan semasa Tempoh Pengurangan Ansuran 50% dan selepas Tempoh Pengurangan Ansuran 50%, bayaran yang dibuat diguna pakai terhadap bayaran untuk yang berikut:
 - Faedah (termasuk faedah terakru); dan
 - Jumlah prinsipal Kemudahan.
5. Semua tunggakan dan jumlah faedah terakru sebelum permulaan Tempoh Pengurangan Ansuran 50%, jika ada, akan ditambahkan ke dalam jumlah prinsipal Kemudahan yang belum dibayar pada permulaan Tempoh Pengurangan Ansuran 50%.
6. Pemindahan dana automatik CIMB yang diperuntukkan bagi akaun Kemudahan akan dikemaskini dengan sewajarnya semasa Tempoh Pengurangan Ansuran 50%. Sekiranya terdapat sebarang arahan tetap untuk akaun Kemudahan, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya.

TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT PENAMBAHBAIKAN PROGRAM BANTUAN BERSASAR CIMB BAGI PEMBIAYAAN PERIBADI-i

Terma-Terma Am

- A. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai bagi Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar CIMB (“**Program**”) yang boleh didapati dari 23 November 2020 sehingga 30 Jun 2021 kepada pelanggan individu yang mempunyai Pembiayaan Peribadi-i (“**Kemudahan**”) yang diluluskan sebelum 1 Oktober 2020 dan yang masih dibayar (tidak tertunggak melebihi 90 hari) setakat tarikh permohonan Program dan:
 - (i) adalah dalam kategori B40 dan didaftarkan dalam pangkalan data Bantuan Sara Hidup (BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR); atau
 - (ii) yang mana pasangannya adalah penerima BSH atau BPR.
- B. Bank merujuk kepada CIMB Islamic Bank Berhad, sebagai institusi kewangan yang memberikan Kemudahan kepada anda.
- C. Anda hanya boleh membuat satu pilihan daripada 2 pilihan di bawah dan setelah pilihan anda telah dibuat, ia tidak boleh diubah.
- D. Tarikh matang Kemudahan akan diselaraskan sebanyak 3 bulan untuk menampung ansuran bulanan menurut 2 pilihan di bawah. Anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi pada akhir tarikh matang Kemudahan diselaraskan.
- E. Hak Bank dan kewajipan sedia ada anda di bawah perjanjian anda untuk terus membuat pembayaran ansuran bulanan selebihnya menjelang tarikh yang dipersetujui tidak akan terjejas.
- F. Sekiranya terdapat kegagalan pembayaran, Bank hendaklah layak untuk bertindak berdasarkan, atau menguatkuasakan mana-mana hak atau remedinya yang diberikan di bawah dokumen Kemudahan dan sebarang tindakan atau peninggalan oleh Bank tidak akan beroperasi sebagai pengabaian hak dan remedi Bank di bawah dokumen Kemudahan.
- G. Semua terma-terma dan syarat-syarat lain dalam dokumen Kemudahan dan sekuriti sedia ada hendaklah kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.
- H. Tanpa menjejaskan syarat-syarat lain Program, anda hendaklah memaklumkan penjamin anda (jika ada) berkenaan penerimaan anda terhadap terma-terma dan syarat-syarat ini untuk memastikan bahawa penjamin sedemikian sedar akan terma-terma dan syarat-syarat ini dan penerimaan anda terhadapnya.

Syarat Khusus untuk Pilihan 1: Penangguhan Ansuran 3 bulan

1. Bank akan memberikan anda kelonggaran untuk menangguhkan ansuran 3 bulan ("**Ansuran Ditangguhkan**") bermula dari bulan sejeurus selepas pengesahan penyertaan anda di dalam Pilihan 1 Program ini ("**Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan**") yang akan dimaklumkan kepada anda.
2. Ini bermaksud bahawa tiada pembayaran perlu dilakukan semasa Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan.
3. Ansuran Ditangguhkan hendaklah dibayar dalam tempoh tiga (3) bulan sejeurus selepas tarikh matang tempoh Kemudahan sedia ada anda dan ianya akan bermula pada bulan selepas tamat tarikh matang Kemudahan sedia ada anda.
4. Anda dikehendaki untuk meneruskan pembayaran ansuran bulanan anda selepas berakhirnya Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan anda. Jumlah ansuran bulanan anda dan tarikh perlu dibayar kekal sama.
5. Semua tunggakan dan jumlah keuntungan terakru sebelum permulaan Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan, jika ada, akan membentuk sebahagian dari jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar dari pengakhiran Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan sehingga berakhirnya tarikh matang Kemudahan yang diselaraskan.
6. Pemindahan dana automatik CIMB yang diperuntukkan bagi akaun Kemudahan akan diberhentikan semasa Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan. Sekiranya terdapat sebarang arahan tetap untuk akaun Kemudahan, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya.

Syarat Khusus untuk Pilihan 2: Pengurangan Ansuran 50% Selama 6 Bulan

1. Bank akan memberikan anda kelonggaran untuk membayar 50% ansuran bulanan anda ("**Ansuran Dikurangkan**") selama 6 bulan ("**Tempoh Pengurangan Ansuran 50%**") bermula pada bulan sejeurus selepas pengesahan penyertaan anda di dalam Pilihan 2 Program ini yang akan dimaklumkan kepada anda.
2. Ini bermaksud anda hanya perlu membayar 50% jumlah ansuran semasa anda semasa Tempoh Pengurangan Ansuran 50%.
3. Ansuran Dikurangkan yang dibayar semasa Tempoh Pengurangan Ansuran 50% akan terlebih dahulu diguna pakai untuk membayar keuntungan bulan tersebut, dan kemudiannya baki prinsipal.

4. Anda dikehendaki untuk meneruskan pembayaran penuh ansuran bulanan anda selepas berakhirnya Tempoh Pengurangan Ansuran 50% sehingga berakhirnya tarikh matang Kemudahan yang diselaraskan. Jumlah ansuran bulanan anda dan tarikh perlu dibayar kekal sama.
5. Semua tunggakan dan jumlah keuntungan terakru sebelum permulaan Tempoh Pengurangan Ansuran 50%, jika ada, akan membentuk sebahagian dari jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar dari pengakhiran Tempoh Pengurangan Ansuran 50% sehingga berakhirnya tarikh matang Kemudahan yang diselaraskan.
6. Pemindahan dana automatik CIMB atau sebarang arahan tetap pembayaran yang diperuntukkan bagi akaun Kemudahan akan diberhentikan semasa Tempoh Pengurangan Ansuran 50%. Sekiranya terdapat sebarang arahan tetap untuk akaun Kemudahan, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya.